



KENYATAAN MEDIA

PERLUASAN CAPAIAN PSP PERKESO KE SEMUA NEGERI-NEGERI DI BAWAH PKPB

1. **PUTRAJAYA** – Susulan pengumuman oleh Menteri Kanan (Keselamatan), Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob pada 20 Oktober 2020, Kementerian Sumber Manusia ingin mengumumkan bahawa Program Saringan Prihatin (PSP) PERKESO diperluaskan kepada semua pencarum PERKESO di negeri-negeri di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang mencakupi Sabah, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Peluasan capaian ini akan berkuatkuasa mulai esok (**22 Oktober 2020**).
2. Majikan boleh menjalankan saringan COVID-19 untuk pekerja secara **PERCUMA** melalui panel perkhidmatan yang dilantik oleh PERKESO dengan membuat janji temu saringan dan mengemukakan maklumat yang lengkap kepada panel perkhidmatan. Senarai Panel Perkhidmatan PERKESO boleh diperolehi dalam **Direktori Panel Perkhidmatan** yang dipaparkan di portal <https://psp.perkeso.gov.my>. Proses saringan boleh dilakukan di klinik/makmal ataupun dijalankan di premis pekerjaan. **HANYA** saringan melalui **panel perkhidmatan** ditanggung **SEPENUHNYA** oleh PERKESO.
3. Saringan COVID-19 juga boleh dijalankan melalui kaedah **Subsidi Saringan Prihatin**. Kos saringan hendaklah dibayar oleh majikan terlebih dahulu. Majikan boleh mengemukakan permohonan untuk Subsidi Saringan COVID-19 melalui portal <https://psp.perkeso.gov.my> dengan menyertakan resit bayaran.

PERKESO akan membuat bayaran balik subsidi sehingga **RM150.00** bagi setiap pekerja yang telah menjalani saringan COVID-19.

4. Kedua-dua kemudahan tersebut terhad untuk dijalankan **melalui majikan SAHAJA**.
5. Peluasan capaian PSP PERKESO ini terbuka kepada **pekerja asing dan tempatan** dalam **semua sektor/industri**. Pencarum yang pernah menjalani saringan PSP sebelum ini boleh menjalani saringan semula selaras dengan pengumuman yang telah dibuat.
6. Majikan dan pekerja diingatkan untuk mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan sewaktu menjalani ujian saringan COVID-19 agar proses berjalan dengan selamat dan tidak terdedah kepada risiko jangkitan.
7. Sebarang pertanyaan lanjut boleh diemelkan ke **hsp@perkeso.gov.my** ATAU menghubungi **1-300-22-8000** ATAU **03-4264 5089**. Pihak Kementerian Sumber Manusia berharap kemudahan yang disediakan oleh PERKESO akan dapat membantu usaha memutuskan rantai penularan COVID-19 di negara ini. Maklumat lanjut tentang program ini boleh diperolehi melalui Soalan-soalan Lazim (FAQ) bagi peluasan PSP PERKESO yang akan dimuatnaik ke laman sesawang dan media sosial rasmi PERKESO, www.perkeso.gov.my .

DATUK SERI M. SARAVANAN
Menteri Sumber Manusia
21 Oktober 2020